

## PERMASALAHAN ASNAF FAKIR DAN MISKIN

### *The Problems Of Poor And Needy*

Syarifah Md Yusof<sup>1\*</sup>

Raziah Md Tahir<sup>2</sup>

Azizah Othman<sup>3</sup>

<sup>1,2,3</sup> Pusat Pengajian Perniagaan Islam (IBS), Universiti Utara Malaysia, 06010 Sintok, Kedah

\*Corresponding author (Email: [syarifah@uum.edu.my](mailto:syarifah@uum.edu.my))

Diterima: 22 August 2019, Diproses: 5 September 2019, Diterbitkan: 18 September 2019

---

**Abstrak:** Permasalahan yang dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin agak kompleks. Agihan zakat kepada mereka perlu mengambil kira permasalahan yang dihadapi agar dana zakat benar-benar dapat membantu mereka. Justeru, kertas kerja ini bertujuan meneroka permasalahan yang dihadapi oleh golongan asnaf fakir dan miskin di Kedah. Kajian ini menggunakan pendekatan penyelidikan kualitatif berbentuk fenomenologi. Kaedah temu bual mendalam digunakan untuk mengutip data daripada golongan miskin yang menjadi penerima zakat. Pemilihan sampel dibuat berdasarkan teknik persampelan bertujuan. Seramai lapan orang informan telah ditemubual. Data dianalisis dijalankan mengikut tiga tahap iaitu kondensasi data, pembentangan data dan melakar rumusan dan pengesahan. Data naratif dianalisis dengan cara pengkodan dan seterusnya mengenal pasti tema bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa masalah kewangan yang dihadapi oleh golongan miskin berpunca daripada masalah kesihatan, konflik keluarga, sumber pendapatan dan pekerjaan, kurang kemahiran dan ketiadaan aset. Dapatan ini dapat dimanfaatkan oleh institusi zakat dan agensi berkaitan dalam meningkatkan kerjasama bagi membantu golongan miskin.

**Keywords:** Asnaf poor and needy, Zakat, Zakat distribution.

**Abstract:** *The problems faced by the poor and needy are quite complex. The distribution of zakat should take into account the problems faced so that the zakat fund could really help them. Hence, this paper aims to explore the problems faced by the poor and the needy in Kedah. This study uses a phenomenological qualitative research approach. In-depth interview method is used to collect data from the sample who are the recipients of zakat. Sample selection is based on purposive sampling technique. The total of eight informants were interviewed. The data were analyzed in three stages, namely condensation of data, data presentation and formulation and validation. Narrative data were analyzed by coding and then identifies the theme to answer the research questions. The findings show that the financial problems faced by the poor are due to health problems, family conflicts, source of income and employment, lack of skills and asset absence. This finding could be benefited by zakat institutions and other agencies in enhancing cooperation in helping poor people.*

**Keywords:** Asnaf poor and needy, Zakat, Zakat distribution.

## **PENGENALAN**

Islam membawa sinar baru kepada golongan yang susah dan ditindas menerusi pensyariatkan zakat dan galakan bantu-membantu, sedekah serta wakaf. Golongan fakir dan miskin yang ditindas oleh golongan kaya mendapat pembelaan dengan pengutusan Rasulullah s.a.w. Islam menegaskan tentang keperluan membela dan membantu golongan fakir dan miskin menerusi banyak ayat dalam al-Quran. Perbuatan membantu golongan fakir miskin khususnya melalui sedekah dan zakat, disamping memuliakan golongan ini sangat digalakkan dan diberi ganjaran yang besar dalam Islam.

Zakat merupakan salah satu rukun Islam. Umat Islam yang memenuhi syarat wajib zakat wajib mengeluarkan sebahagian daripada hartanya untuk diberikan kepada asnaf yang layak. Islam telah menetapkan bahawa golongan fakir dan miskin sebagai antara golongan asnaf yang layak menerima agihan bantuan zakat selain daripada amil, muallaf, gharimin, riqab, ibnu sabil dan fi sabilillah. Malahan fakir dan miskin menjadi golongan yang diutamakan dalam pemberian zakat.

Antara tujuan zakat adalah untuk merapatkan jurang ekonomi dan pendapatan dalam sesebuah masyarakat di antara golongan kaya dan miskin, membasmi kemiskinan serta menjaga kebajikan sosial (Hailani Muji Tahir, 1998).

## **LATAR BELAKANG KAJIAN**

Malaysia dilihat telah mencapai kemajuan besar dalam pembangunan ekonomi sejak beberapa dekad yang lalu. Walaupun insiden kemiskinan negara menunjukkan trend penurunan, namun, masih terdapat ramai golongan miskin yang masih jauh dari arus pembangunan dan permodenan. Dengan kadar kemiskinan di Malaysia sebanyak 49.3% pada tahun 1970, angka ini mengalami trend penurunan sehingga kepada 4.0% telah dicatatkan pada tahun 2016 (Kementerian Pembangunan Luar Bandar, 2018).

Berdasarkan laporan Kementerian Pembangunan Luar Bandar (2018), insiden kemiskinan mengikut negeri menunjukkan negeri Johor, Melaka, Selangor, Wilayah Persekutuan Labuan, Wilayah Persekutuan Putrajaya dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mencatatkan 0.0% insiden kemiskinan. Kelantan dan Terengganu 0.4% menjadi negeri tertinggi di semenanjung Malaysia. Di Wilayah utara pula, insiden kemiskinan di Kedah paling tinggi iaitu 2.0% berbanding negeri jiran Pulau Pinang dan Perlis yang masing-masing 1%.

Namun demikian, secara terperinci, Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah (2019) melaporkan bahawa kadar kemiskinan di negeri Kedah meningkat sebanyak 29.42% atau 7446 iaitu daripada 25,302 kepada 32,751 isi rumah miskin dari tahun 2014 hingga 2017 (Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, 2019). Walaupun Kedah merupakan sebuah negeri pertanian, perindustrian dan pelancongan, namun masih terdapat penduduk di negeri Kedah tidak mampu untuk keluar dari kepompong kemiskinan.

Dalam menangani masalah kemiskinan, zakat berperanan penting membantu golongan ini. Dalam konteks negeri Kedah, pengurusan zakat berada di bawah Lembaga Zakat Negeri Kedah. Walaupun terdapat pelbagai bentuk bantuan zakat diagihkan kepada golongan fakir dan miskin, namun begitu, masih terdapat keperluan untuk menyelami permasalahan asnaf yang layak disantuni oleh zakat. Hal demikian kerana zakat bukan sekadar memberi bantuan makanan bagi

meringan penderitaan hidup dalam tempoh waktu yang terhad, malah nasib keadaan mereka perlu diberi perhatian sehingga mereka keluar daripada kemiskinan. Al-Qaradawi (2002) menyatakan bahawa zakat bertanggungjawab mencari punca kemiskinan mereka dan membantu mereka memperbaiki kehidupan.

Sinar Harian (2014) melaporkan pengagihan zakat di negara ini didapati gagal membendung masalah kemiskinan dalam kalangan umat Islam walaupun jumlah kutipan zakat oleh pusat kutipan zakat dilaporkan meningkat setiap tahun. Antara kelemahan yang dinyatakan adalah kegagalan institusi zakat dalam mengenal pasti keperluan sebenar golongan asnaf.

Bantuan zakat kepada asnaf fakir dan miskin pula didapati agak kurang berkesan. Kajian Nor Shafinas (2014) mendapati hanya 23% daripada penerima zakat Bantuan Jayadiri di Kedah berjaya keluar daripada kemiskinan. Namun begitu, peningkatan min pendapatan bulanan kepada RM775 kesan daripada bantuan zakat Jayadiri hanyalah melepasi pendapatan garis kemiskinan (PGK). Hal demikian memungkinkan mereka mudah terjerumus kembali ke kancuh kemiskinan jika berlaku perubahan keadaan ekonomi khususnya bagi mereka yang berada di pinggiran.

Mohamad Sabri Haron dan Riki Rahman (2016) mencadangkan agar dikelaskan penerimaan bentuk agihan berdasarkan dua kategori mengikut sejauh mana keperluan asnaf iaitu bagi penerima agihan yang mampu berusaha membaiki taraf hidup dikategorikan sebagai produktif, manakala bagi yang tidak upaya disebabkan lanjut usia, masalah kesihatan, kecacatan dan sebagainya dikategorikan sebagai golongan tidak produktif.

Oleh itu, terdapat keperluan untuk mengenal pasti permasalahan yang dihadapi oleh golongan fakir dan miskin bagi memahami permasalahan sebenar asnaf. Justeru, kajian ini akan mengenal pasti permasalahan golongan fakir dan miskin di Daerah Kubang Pasu, Kedah. Kefahaman tentang permasalahan mereka boleh membantu institusi zakat dalam merancang bentuk bantuan zakat yang bersesuaian agar golongan ini dapat keluar daripada kepompong kemiskinan.

## **LITERATUR**

Ulasan literatur akan membincangkan tentang konsep asnaf fakir dan miskin serta permasalahan asnaf fakir dan miskin.

### **Asnaf fakir dan miskin**

Asnaf fakir dan miskin adalah sinonim dengan kemiskinan. Perkataan fakir dalam bahasa Arab bermaksud ‘lawan bagi kekayaan’ (Ibn Manzur, 1994). Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Online) pula menjelaskan fakir sebagai orang yang berpendapatan kurang daripada pendapatan orang miskin (tidak mencukupi keperluan asas harian). Miskin pula didefinisikan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (Online) sebagai serba kekurangan barang-barang keperluan hidup.

Menurut pengertian istilah, Qardawi (2002) telah membahagikan pengertian istilah zakat kepada dua pandangan iaitu pandangan mazhab Hanafi dan pandangan jumhur yang terdiri daripada pandangan mazhab Maliki, Shafii dan Hanbali.

Fakir menurut mazhab Hanafi ialah orang yang tidak memiliki apa-apa di bawah nilai nisab menurut hukum zakat yang sah, atau tidak memiliki sesuatu yang mencapai nisab atau melebihi nisab seperti perabot, barang-barang, pakaian sebagai keperluan asas seharian. Miskin

pula bermaksud orang yang tidak memiliki apa-apa (Qardawi, 2002). Oleh itu, fakir dan miskin menurut pandangan mazhab Hanafi adalah memiliki salah satu daripada ciri-ciri berikut iaitu: (1) tidak mempunyai apa-apa; (2) mempunyai rumah, barang atau perabot yang tidak berlebihan; (3) memiliki matawang kurang daripada nisab; dan (4) memiliki selain matawang yang kurang daripada nisab.

Jumhur iaitu mazhab Maliki, Shafii dan Hanbali pula menjelaskan bahawa fakir ialah mereka yang tidak mempunyai harta atau penghasilan yang layak dalam memenuhi keperluan asas untuk diri dan tanggungannya. Seseorang yang memerlukan sepuluh dirham setiap hari, tetapi hanya mempunyai empat, tiga atau dua dirham sahaja. Miskin pula ialah orang yang mempunyai harta atau penghasilan yang layak dalam memenuhi keperluan asas untuk diri dan tanggungannya, tetapi tidak sepenuhnya mencukupi. Misalnya seseorang yang memerlukan sepuluh dirham setiap hari, tetapi hanya mempunyai tujuh atau lapan dirham sahaja walaupun sudah mencapai nisab atau beberapa nisab. Berdasarkan definisi ini, Qardawi (2002) menjelaskan bahawa fakir dan miskin menurut jumhur adalah mereka yang memiliki salah satu daripada tiga ciri-ciri berikut iaitu; (1) mereka yang tidak mempunyai harta; (2) mereka yang mempunyai harta atau usaha tetapi tidak mencukupi untuk diri dan keluarganya, iaitu penghasilannya tidak memenuhi separuh atau kurang dari keperluannya; dan (3) mereka mempunyai harta atau usaha yang hanya mencukupi separuh atau lebih keperluan diri dan keluarganya, tetapi tidak dapat memenuhi semua keperluannya.

Hampir kesemua negeri dilihat bersetuju bahawa seseorang yang hanya dapat memenuhi hanya separuh daripada keperluan asasnya dikira sebagai fakir selari dengan apa yang dijelaskan oleh ulama silam namun definisi tersebut berkisar dalam ruang lingkup definisi yang disebutkan di atas. Umpamanya Lembaga Zakat Negeri Kedah menyatakan fakir sebagai orang yang tiada harta pendapatan yang mencukupi untuknya dan keperluannya. Tidak mempunyai keluarga untuk mencukupkan nafkahnya seperti makanan, pakaian dan tempat tinggal. Contohnya ia memerlukan RM10 sehari tetapi hanya mampu RM3 sahaja (<https://www.zakatkedah.com.my/penerima-zakat/>).

Begitu juga dengan definisi miskin. Terdapat persamaan antara semua negeri di mana asnaf miskin adalah mereka yang mempunyai pendapatan lebih daripada separuh keperluannya, namun masih tidak dapat memenuhi semua keperluan diri dan tanggungannya. Mereka mempunyai kemampuan usaha untuk mendapatkan keperluan hidupnya akan tetapi tidak mencukupi sepenuhnya. Sebagai contoh, seseorang miskin itu memerlukan RM10 tetapi hanya memperoleh RM8.

Secara keseluruhannya, penentuan fakir atau miskin ditentukan oleh jumlah pendapatan dan had kifayah iaitu keperluan asas individu dan tanggungannya. Hal ini selari dengan apa yang dinyatakan dalam Manual Agihan Zakat oleh Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, Jabatan Perdana Menteri. Aspek kehalalan sumber pendapatan juga ditekankan. Menurut Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji (2007), seseorang yang tidak mempunyai apa-apa harta atau pekerjaan halal termasuk dalam definisi fakir. Meskipun dari segi definisi fakir dan miskin ini hampir sama di seluruh Malaysia, namun perbezaan kos sara hidup di antara negeri-negeri serta lokasi menyebabkan kadar had kifayah juga berbeza (Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, 2007).

### **Permasalahan asnaf fakir dan miskin**

Kemiskinan yang dihadapi oleh golongan fakir dan miskin boleh berpunca daripada pelbagai faktor. Antaranya ialah faktor keluarga, pendidikan dan kerajaan (Wong, Yan & Nga, 2011). Kajian oleh Zebua et al. (2017) terhadap kemiskinan komuniti nelayan pula mendapati bahawa salah satu faktor yang menyumbang kepada kemiskinan hidup dalam kalangan ini ialah tahap pendidikan yang rendah. Kajian oleh Anugerah et al. (2016) mendapati selain faktor tahap pendidikan yang rendah, terdapat faktor lain yang mempengaruhi kemiskinan dalam kalangan komuniti nelayan iaitu pendapatan yang rendah, pekerjaan sampingan yang terhad dan penurunan hasil tangkapan di laut.

Nur Zaidah, Siti Hadijah dan Fauzi (2015) pula mengukur tahap kesejahteraan golongan miskin di Kedah. Tujuh Elemen kesejahteraan yang dikaji ialah taraf hidup, kesihatan, pendidikan, masa, psikologi, masyarakat dan kerajaan dan mendapati bahawa isi rumah miskin di daerah Kota Setar, Kuala Muda, Kubang Pasu, Kulim dan Yan adalah tidak sejahtera.

Muhammad Wafi, Sharifah Rohayah dan Sofia Haminah (2019) mendapati terdapat lima cabaran hidup yang dihadapi oleh golongan miskin iaitu kesukaran menampung perbelanjaan harian, kesukaran melanjutkan pendidikan, kesukaran memiliki aset, keperluan melakukan pekerjaan sampingan dan ancaman gejala sosial.

Cabaran yang dihadapi oleh golongan miskin ini akan menghalang pencapaian kesejahteraan hidup seperti mana yang ditemui oleh Nur Zaidah, Siti Hadijah dan Fauzi (2015). Cabaran yang dihadapi merupakan permasalahan yang kompleks yang dihadapi oleh golongan fakir dan miskin. Oleh itu, kajian ini penting untuk meneroka permasalahan dalam kalangan fakir dan miskin agar wujud kefahaman yang jelas tentang keperluan mereka bagi merangka bentuk bantuan yang bersesuaian.

### **METODOLOGI KAJIAN**

Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif berbentuk fenomenologikal bertujuan untuk meneroka permasalahan yang dihadapi oleh asnaf miskin. Pendekatan kualitatif digunakan kerana data yang diperolehi bukan dalam bentuk nombor. Sebaliknya, data kajian ini berbentuk teks iaitu penceritaan pengalaman responden tentang isu yang dikaji. Oleh itu data dikutip menerusi temu bual mendalam dengan asnaf.

Kaedah persampelan bertujuan digunakan untuk memilih informan. Kajian hanya dijalankan dalam kalangan asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat di daerah Kubang Pasu, Kedah. Empat qaryah yang tertinggi dalam agihan kepada asnaf miskin dipilih untuk dijadikan sampel. Berdasarkan maklumat daripada Lembaga Zakat Negeri Kedah, qaryah tersebut ialah Qaryah Masjid A'la, Masjid al-Abrar, Masjid al-Najah, dan Masjid Malau. Pemilihan sampel dibuat oleh LZNK cawangan Jitra. Kriteria yang ditetapkan adalah sampel itu adalah penerima bantuan zakat bagi tiga bentuk bantuan iaitu bantuan kewangan, bantuan rumah dan bantuan modal (Jayadiri). Seramai lapan orang asnaf telah berjaya ditemubual.

Proses seterusnya ialah pembentukan protokol temu bual. Ia merangkumi dua proses iaitu proses pembentukan soalan dan pengesahan soalan temu bual oleh pakar. Soalan temubual dibentuk berdasarkan persoalan kajian dan sorotan karya. Protokol temu bual adalah sebagai panduan penyelidik dalam mengutip data yang diperlukan bagi menjawab persoalan kajian. Bagi memastikan penyelidik mendapat data yang dikehendaki, sah dan boleh dipercayai,

teknik *probing* digunakan semasa temu bual. Soalan-soalan temubual disahkan oleh pakar dalam bidang pembentukan soalan kualitatif.

Sebelum temubual dijalankan, pengkaji menghubungi informan untuk menentukan tarikh temu bual. Temubual dijalankan di rumah informan. Sebaik tamat temubual, penyelidik menyediakan transkrip temu bual mengikut dialog semasa temu bual.

Data daripada temubual dianalisis menggunakan kaedah *general inductive method* untuk kajian kualitatif yang dipelopori oleh Miles, Huberman and Saldana (2014). Kaedah ini melibatkan tiga peringkat analisis iaitu Kondensasi Data (*Data condensation*), Pembentangan data (*Data Display*) dan Melakar rumusan dan Pengesahan (*Drawing conclusion and verification*).

## **DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN**

Kajian ini melibatkan seramai lapan orang asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat di daerah Kubang Pasu, Kedah untuk melihat permasalahan yang dihadapi. Berikut adalah perbincangan hasil daripada analisis data yang telah dilaksanakan. Kesemua informan berusia di antara 44 tahun hingga 65 tahun. Hasil analisis data temubual, kajian telah mendapati terdapat lima bentuk permasalahan yang dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin.

### **Latar belakang keluarga**

Latar belakang informan yang dikaji adalah dari segi pendapatan, pekerjaan, status perkahwinan, dan jumlah anak. Secara kasar, ada dua bentuk pendapatan informan iaitu berpendapatan bulanan dan berpendapatan harian. Pendapatan bulanan informan adalah sekitar RM500 - RM1200. Namun ada di antara informan yang berpendapatan harian sekitar RM35 sehari. Ada juga yang berpendapatan hanya kira-kira RM75 – RM150 untuk tempoh dua bulan. Dua daripada informan bekerja makan gaji seperti pembantu kedai dan tukang cuci, manakala yang lain bekerja sendiri seperti bertukang, berniaga dan menjahit. Kesemua informan telah berkeluarga, namun ada yang dalam proses berpisah dengan suami, ibu tunggal dan kehilangan isteri. Informan paling tinggi mempunyai 8 orang anak. Selain itu, terdapat jga informan yang menanggung ibu dan ayah yang tua dan uzur.

### **Permasalahan dihadapi asnaf fakir dan miskin**

Terdapat lima permasalahan yang ditemui dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat daripada LZNK. Masalah tersebut ialah kesihatan, konflik keluarga, sumber pendapatan dan pekerjaan, kekurangan kemahiran dna tiada aset.

### **Kesihatan**

Kajian ini menemukan bahawa masalah kesihatan merupakan masalah yang biasa dan lazimnya dihadapi oleh asnaf yang ditemubual. Enam orang responden menghadapi masalah kesihatan sama ada diri informan itu sendiri atau tanggungannya seperti isteri, anak atau ibu bapa. Umpamanya, informan A2 menghadapi masalah kesihatan iaitu asma, di samping anaknya juga turut asma. Sementara itu, isterinya pula menghidap sakit jantung. Keadaan kesihatan isterinya yang tidak memuaskan ini menyebabkan isterinya tidak dapat bekerja dalam tempoh yang lama. Isterinya yang bekerja sebagai pencuci di sebuah jabatan kerajaan hanya mampu bekerja selama kira-kira dua jam sahaja setiap hari. Dengan ihsan dan pertimbangan majikan, isterinya

dibenarkan pulang awal untuk berehat. Namun kerja-kerja yang sepatutnya dilakukan oleh isterinya akan dibuat oleh informan pada waktu petang setelah kerjanya sendiri selesai.

Informan A4 pula merupakan seorang Orang Kelainan Upaya (OKU) yang mempunyai kecacatan anggota badan selepas terlibat dengan kemalangan jalan raya pada tahun 2000. Isterinya pula telah bercerai, namun anaknya dipelihara oleh informan A4. Dengan kecacatan yang dialaminya tidak mempunyai kerja tetap, sebaliknya hanya bekerja secara sambilan mengikut kekosongan. Dia akan bekerja sebagai tukang sapu apabila diminta untuk menggantikan kerja orang.

Informan A5 dan A6 turut menghidap penyakit namun tidak serius iaitu penyakit asma dan gastrik. Namun begitu informan A5 menjaga kedua-dua ibu bapa mertua yang uzur, Informan A6 pula mempunyai seorang anak OKU dan isterinya pula menghidap kencing manis dan darah tinggi. Informan A7 juga menjaga ibunya sakit. Hal yang sama dihadapi oleh informan A8. Beliau menjaga ibu bapanya yang sakit, di samping menanggung abangnya yang merupakan seorang OKU.

### **Konflik keluarga**

Hasil daripada temubual, kajian ini mendapati terdapat informan menghadapi konflik keluarga. Informan A1 umpamanya menghadapi masalah rumahtangga sehingga kehilangan sumber pendapatan, wang simpanan dan tempat tinggal, padahal beliau dahulunya mempunyai perniagaan sendiri, malah telah mengasaskan satu pertubuhan kebajikan bagi membantu golongan wanita yang susah. Namun, masalah rumahtangga yang dihadapi menyebabkan beliau terpaksa meminta bantuan zakat iaitu bantuan zakat Jayadiri bagi menjalankan perniagaan.

Informan A7 turut menghadapi konflik rumahtangga apabila suaminya menghilangkan diri dengan meninggalkan rumah dan langsung tidak menghubunginya lebih daripada 6 bulan. Sepanjang tempoh itu beliau diabaikan oleh suami. Tiada nafkah diberikan oleh suami. Hal ini menyebabkan beliau terpaksa mencari nafkah untuk diri dan tiga orang anaknya, di samping menjaga ibunya yang sakit. Beliau bekerja sambilan di kedai makan dengan pendapat harian RM35. Pada masa yang sama beliau berhadapan dengan masalah adiknya yang merupakan bekas banduan dan masih terlibat dengan kes-kes kesalahan dan dikehendaki oleh polis.

### **Sumber pendapatan dan pekerjaan**

Kajian ini mendapati pada umumnya informan yang ditemubual tidak mempunyai sumber pendapatan yang baik dan stabil. Kebanyakannya bekerja sendiri seperti tukang cuci, tukang sapu, bertukang dan mengambil upah kerja di sawah. Pekerja mereka juga secara sambilan dan berdasarkan kerja hari. Rata-rata pekerjaan mereka ini berkait dengan tahap pendidikan mereka. Ada informan yang belajar setakat darjah 6 sahaja. Ada yang hanya lulus Sijil Rendah Penilaian (SRP) dan ada juga memiliki sijil Sijil Persekolahan Malaysia (SPM). Menariknya ada juga informan yang memiliki diploma daripada institusi pengajian tinggi.

### **Kekurangan kemahiran**

Dapatan kajian menunjukkan informan kurang kemahiran pemasaran. Suami kepada Informan A5 mempunyai kemahiran menangkap ikan dan menghasilkan ikan kering, namun menghadapi masalah untuk memasarkan hasil ikan keringnya. Begitu juga dengan informan A3. Beliau

mempunyai kemahiran membuat rumah, namun apabila tidak memperolehi kerja untuk membuat rumah, maka beliau tidak mempunyai pendapatan. Jadi informan A3 menghadapi masalah dalam mempromosi kemahirannya dan mendapatkan kerja membuat rumah.

### **Tiada aset**

Kajian menunjukkan bahawa informan menghadapi permasalahan dari segi pemilikan aset. Informan A1 tidak mempunyai rumah sendiri apabila rumahnya bersama suami terpaksa dilelong berikutan konflik rumahtangga. Informan A1 terpaksa menyewa rumah dengan mencari rumah yang mampu disewa. Informan A5 juga tiada rumah sendiri dan terpaksa menumpang rumah abang iparnya.

### **Perbincangan**

Permasalahan yang dihadapi oleh asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat adalah pelbagai. Masalah kesihatan, konflik keluarga, sumber pendapatan dan pekerjaan, kurang kemahiran serta ketiadaan aset merupakan permasalahan yang ditemui dihadapi oleh golongan ini. Permasalahan ini saling berkait dan memberi kesan kepada asnaf dalam usaha menambah pendapatan bagi meningkatkan pendapatan keluarga.

Permasalahan sumber pendapatan dan pekerja yang rendah menyebabkan mereka berada dalam kemiskinan kerana pendapatan yang diperolehi tidak dapat menampung semua keperluan asas yang diperlukan. Hal ini selari dengan Talib (2016) yang mengaitkan kemiskinan dengan kekurangan, kesusahan, keperitan dan kepayahan hidup yang dihadapi oleh seseorang individu, sesebuah keluarga dan sesebuah komuniti. Ciri-ciri seperti kekurangan pendapatan untuk membeli keperluan asas, tahap pendidikan yang rendah, tidak memiliki aset, kesihatan yang tidak baik, tiada tempat tinggal yang selesa dan tiada pekerjaan yang dapat menjamin kelangsungan hidup dikaitkan dengan kemiskinan oleh Jamil dan Mat (2014).

Permasalahan ketiadaan aset yang berpunca daripada pendapatan yang rendah merupakan permasalahan biasa yang dihadapi oleh golongan miskin. Dapatan kajian ini selari dengan Muhammad Wafi, Sharifah Rohayah, Sofia Haminah (2019) yang mendapati golongan nelayan di Tanjung Dawai, Kedah berhadapan dengan ketidakmampuan memiliki aset seperti rumah dan kenderaan.

Informan yang sihat, namun berpendidikan rendah masih boleh berusaha berbekalkan dengan kemahiran yang dimiliki. Umpamanya asnaf yang mempunyai kemahiran menjahit, memasak, membuat kuih boleh dibantu dengan pemberi modal atau peralatan yang sesuai untuk mereka menjalankan perniagaan kecil-kecilan. Institusi zakat boleh bekerjasama dengan mana-mana institusi yang berkaitan bagi mengembangkan kemahiran mereka agar boleh menjana pendapatan. Umumnya, asnaf memerlukan bantuan dari segi mempromosi hasil kerja mereka agar permintaan meningkat. Bantuan wang tahunan atau bulanan hanya akan mengurangkan masalah mereka secara jangka pendek, tetapi tidak mampu mengubah nasib mereka dalam jangka masa panjang. Sekiranya ini berlaku, objektif zakat untuk mengeluarkan asnaf daripada belenggu kemiskinan tidak akan tercapai.

Informan yang berpendidikan tinggi mampu berusaha sendiri dengan sedikit bantuan daripada zakat. Umpamanya, dengan tahap pendidikan dan pengalaman sebelum ditimpa kesusahan telah banyak membantu informan untuk bangun semula dan mencari jalan penyelesaian kemiskinan yang dihadapi. Dengan bantuan modal daripada zakat,



pengalamannya sebagai usahawan sebelum ini membolehkannya menjalankan perniagaan semula.

Bagi yang berpendidikan rendah, berusia, tidak sihat, tidak banyak yang mereka dapat lakukan untuk mengubah kehidupan. Bagi menampung keperluan harian, golongan asnaf ini boleh digalakkan untuk mengusahakan tanaman atau bercucuk taman untuk keperluan sendiri. Pihak institusi zakat boleh bekerjasama dengan agensi pertanian serti MARDI atau institusi pengajian tinggi dalam memberi bimbingan kepada golongan asnaf untuk mengusahakan tanaman keperluan harian. Setidak-tidaknya, penghasilan sayur-sayuran di sekitar kawasan rumah dapat memenuhi keperluan sendiri dan menjimatkan belanja rumah. Selain itu, bantuan zakat boleh difokus kepada pemberian bantuan kepada anak-anak agar anak-anak mereka tidak mewarisi kemiskinan keluarga.

## KESIMPULAN

Secara umumnya, kajian ini telah berjaya mengenalpasti beberapa permasalahan yang membelenggu asnaf fakir dan miskin yang menerima bantuan zakat daripada LZNK. Walaupun mereka menerima bantuan zakat, namun permasalahan kemiskinan mereka masih belum selesai. Tidak dinafikan bahawa bantuan zakat sedikit sebanyak membantu mereka dari sudut kewangan, namun bantuan zakat tersebut masih belum dapat mengeluarkan mereka daripada kemiskinan.

Adalah dicadangkan agar jalinan kerjasama antara insituti zakat dan agensi-agensi lain dipertingkatkan dalam membantu golongan asnaf ini. Kerjasama ini dapat meningkatkan sinergi dalam mencapai agenda Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) yang digariskan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) iaitu tiada kemiskinan dalam kalangan masyarakat.

## PENGHARGAAN

Penulis merakamkan penghargaan kepada Universiti Utara Malaysia dan Lembaga Zakat Negeri Kedah kerana membiayai penyelidikan ini menerusi Geran IPIZ. Kertas Kerja ini adalah sebahagian daripada hasil penyelidikan bertajuk 'Pelaksanaan Mekanisme zakat dalam kalangan asnaf fakir dan miskin: Kajian di Kedah' di bawah Dana Geran IPIZ, Universiti Utara Malaysia, Kod S/O 14120.

## RUJUKAN

- Anugerah, T., Amrifo, V., & Hendrik, H. (2016). Strategi rumah tangga nelayan dalam mengatasi kemiskinan (Studi di Kepenghuluan Panipahan Darat Kecamatan Pasir Limau Kapas Kabupaten Rokan Hilir Provinsi Riau). *Berkala Perikanan Terubuk*, 44(1), 104-119.
- Diakses pada 29 Jun 2019. Pejabat Pembangunan Persekutuan Negeri Kedah, dari [http://www.data.gov.my/data/ms\\_MY/dataset/insiden-kemiskinan-negeri-kedah-2014-2017](http://www.data.gov.my/data/ms_MY/dataset/insiden-kemiskinan-negeri-kedah-2014-2017),
- Hailani Muji Tahir. (1998). *Pengenalan Tamadun Islam dalam Institusi Kewangan*, Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ibn Manzur (1994), *Lisan al- 'Arab*, Jil.3. Cet.3, Beirut: Dar al-Fikr.
- Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji. (2007). *Manual Agihan Zakat*, Putrajaya: Jabatan Zakat, Wakaf dan Haji, Jabatan Perdana Menteri.

- Diakses pada 10 Ogos 2019, Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka (Online), dari <http://prpm.dbp.gov.my>.
- Katty Hsiao Jia Wong, Ti Ching Yan & Janice Lay Hui Nga. (2011). Kemiskinan dan pendidikan: Kesan dan cabaran di kalangan belia Malaysia. *Malaysian Journal of Youth Studies*, Kuala Lumpur: Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia, Kementerian Belia dan Sukan.
- Kementerian Pembangunan Luar Bandar. (2018). *Data Asas KPLB Suku Pertama 2018*. Diakses pada 19 Ogos 2019, dari [http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10/DATA-ASAS-KPLB-2018\\_SUKU-PERTAMA\\_opt.pdf](http://www.rurallink.gov.my/wp-content/uploads/2018/10/DATA-ASAS-KPLB-2018_SUKU-PERTAMA_opt.pdf).
- Miles, M.B., Huberman, A.M., & Saldana, J. (2014). *Qualitative Data Analysis: A Method Sourcebook* (3rd Ed.), United States: Sage Publication, Inc.
- Mohamad Sabri Haron, & Riki Rahman. (2016). Pengagihan zakat dalam konteks kesejahteraan masyarakat Islam: Satu tinjauan berasaskan maqasid al-syari'ah. *Labuan E-Journal of Muamalat and Society*, 10, 129–140.
- Muhammad Wafi Ramli, Sharifah Rohayah Sheikh Dawood, Sofia Haminah Mohd Som. (2019). Cabaran hidup miskin dalam kalangan komuniti nelayan di Tanjung Dawai, Kedah. *GEOGRAFIA Online, Malaysian Journal of Society and Space*, 15(1), (54-66).
- Noor Syafinas Muda. (2014). *Keberkesanan Agihan Zakat Kepada Asnaf Fakir Dan Miskin: Kajian Kes Bantuan Jayadiri, Jabatan Zakat Negeri Kedah. tesis USM*.
- Nur Zaidah Che Mohd Nor, Siti Hadijah Che Mat & Fauzi Hussin. (2015). Kesejahteraan isi rumah miskin di Kedah: Aplikasi kesejahteraan negara kasar (GNH). *Journal of Human Capital Development*, 11-23.
- Qardawi, Yusuf. (2002). *Hukum Zakat* (terj. Salman Harun, Didin Hafidhuddin, Hasanudin), Bogor: Pustaka Litera AntarNusa.
- Talib, K.A. (2016). Dilema kemiskinan: Falsafah, budaya dan strategi. *Akademika*, 86(2), 65-78.
- Zebua, Y., Wildani, P.K., Lasefa, A., & Rahmad, R. (2017). Faktor penyebab rendahnya tingkat kesejahteraan nelayan pesisir pantai Sri Mersing Desa Kuala Lama Kabupaten Serdang Bedagai Sumatera Utara. *Jurnal Geografi*, 9(1), 88-98.